

Ke arah kerjasama Asean-Forum

Malaysia sokong adakan dialog

BH 27 NOV 1990

Oleh HAW TIAN SOO

KUALA LUMPUR, Isnin — Malaysia mengalu-alukan usaha mengadakan dialog dan kerjasama di antara anggota Asean dan negara-negara Forum Pasifik Selatan (Forum), kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, hanya beberapa negara di kedua-dua negara rantau itu mengambil kesempatan menuju ke arah itu walaupun kebanyakan berpendapat mereka adalah negara jiran.

"Buat masa ini, kekurangan perantaraan kukuh dalam perhubungan kedua-dua kumpulan serantau masih wujud walaupun hubungan mereka adalah rapat," katanya dalam ucapan di majlis makan malam, meraikan Perdana Menteri Fiji, Ratu Sir Kamisese Mara, di Seri Perdana, di sini, malam tadi.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dalam membentuk jaringan kerjasama antara anggota Asean dan negara Fo-

rum, adalah lebih bijak jika kedua-dua rantau itu menghadkannya kepada kerjasama projek praktikal yang mampu menyumbang ke arah keamanan dan kemakmuran rantau mereka.

Perdana Menteri berkata, kerjasama lebih rapat di kalangan negara membangun amat diperlukan bagi menghadapi ketidakadilan yang wujud dalam sistem ekonomi dan perdagangan antarabangsa.

"Usaha yang dirancang dan berterusan perlu diadakan bagi memperkembangkan hubungan ekonomi di kalangan negara membangun. Masih banyak perkara yang kita boleh belajar dan manfaatkan daripada satu sama lain," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia amat cenderung bagi menjayakan konsep kerjasama ekonomi dan teknikal di kalangan negara membangun dan kesediaannya menganjurkan persidangan pertama Kumpulan 15 di sini, pertengahan tahun ini membuktikan ke-

sungguhannya itu.

Katanya, Program Kerjasama Teknikal Malaysia adalah satu lagi bukti kecenderungan negara ini merabentuk kerjasama berkenaan dan melaluinya kerajaan Fiji sudah banyak memperolehi faedahnya.

Mengenai hubungan dagangan, beliau berkata, jumlah dagangan kedua-dua negara sentiasa menunjukkan peningkatan walaupun ia kecil.

Sehubungan itu, beliau menggesa ahli perniagaan Malaysia meningkatkan pelaburan di Fiji dan menjemput ahli perniagaan Fiji menanam modal di negara ini.

Terdahulu, beliau berkata, Malaysia masih mengingati jasa baik tentera Fiji yang pernah berjuang bersama pasukan keselamatan bagi mengekalkan keamanan dan demokrasi di negara ini.

Turut hadir di majlis itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali dan isteri Perdana Menteri Fiji, Puan Adi Lala.